



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGGUNAAN TEORI RANGKAIAN MOTOR PEMBELAJARAN
KEMAHIRAN MENULIS DALAM PROSES MENGARANG BAHASA
MELAYU MURID TAHUN LIMA**

FAZILAH BINTI MAT ZAIN

FPP 2020 5



**PENGGUNAAN TEORI RANGKAIAN MOTOR PEMBELAJARAN
KEMAHIRAN MENULIS DALAM PROSES MENGARANG BAHASA
MELAYU MURID TAHUN LIMA**

Oleh

FAZILAH BINTI MAT ZAIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

November 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGGUNAAN TEORI RANGKAIAN MOTOR PEMBELAJARAN
KEMAHIRAN MENULIS DALAM PROSES MENGARANG BAHASA
MELAYU MURID TAHUN LIMA**

Oleh:

FAZILAH BINTI MAT ZAIN

November 2019

Pengerusi : Shamsudin bin Othman, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kemahiran mengarang merupakan kemahiran yang kompleks kerana melibatkan kemahiran kognitif dan psikomotor. Kajian ini menggunakan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis (TRMPKM) yang merangkumi empat motor pembelajaran, iaitu, Motor Perancangan, Motor Logik, Motor Memori dan Motor Tindakan. Empat motor ini saling berkait dan penting semasa proses penghasilan karangan, iaitu, ketika memahami cara otak menerima, menapis, menggabungkan, dan menggunakan pembelajaran fungsi otak semasa menghasilkan karangan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji proses, strategi dan masalah kemahiran menulis dalam aktiviti mengarang murid Tahun Lima berdasarkan TRMPKM. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu, teknik pengumpulan data melalui kaedah temu bual, pemerhatian serta analisis dokumen yang dihuraikan secara deskriptif terhadap lima orang peserta kajian di sebuah sekolah rendah di Kuantan. Dapatan kajian ini dibincangkan berdasarkan tiga peringkat proses mengarang iaitu, Pramengarang, Semasa Mengarang serta Pascamengarang. Proses mengarang melibatkan kemahiran membaca dan memahami soalan, menggarisi klu, merujuk informasi, merangka draf karangan, penaakulan idea, mengikut format, menulis struktur karangan, memastikan karangan mempunyai kohesi dan koheren, yang dikawal oleh pengetahuan dan pengalaman ketika menyemak dan membetulkan karangan. Strategi mengarang pula terdiri daripada merancang masa, menyenaraikan isi-isi tersurat dan isi-isi tersirat, membina atau mengolah ayat, latih tubi amalan menulis serta memberikan fokus sepanjang proses mengarang berlaku. Kajian ini juga menemukan isu tentang masalah mengarang murid pada setiap motor pembelajaran, iaitu, masalah daripada aspek merancang masa, sukar mengungkap idea tersirat, kekurangan idea, tidak menyemak, serta tidak membetulkan kesalahan aspek tatabahasa. Kesimpulannya, kajian ini mendapati proses dan strategi mengarang memerlukan penguasaan keempat-empat motor pembelajaran kemahiran menulis dengan baik. Kajian ini merumuskan bahawa jika salah satu motor pembelajaran tidak

dikuasai, maka penghasilan karangan akan terjejas, iaitu, hasil sesebuah karangan kurang menarik atau tidak lengkap. Pengetahuan tentang motor pembelajaran sebenarnya dapat meningkatkan kecekapan menulis karangan. Kajian turut membuktikan bahawa TRMPKM dapat memberi kefahaman yang jelas kepada guru tentang proses kognitif murid semasa mengarang. Kefahaman tentang teori ini dapat membantu guru merancang dan melaksana pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Hal ini dibuktikan dengan kelima-lima peserta kajian dapat mencapai tahap yang baik dalam keempat-empat motor pembelajaran mengarang seperti mana yang digagaskan oleh TRMPKM.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

APPLICATION OF MOTOR PLANNING OF LEARNING WRITING SKILLS THEORY IN MALAY ESSAY WRITING PROCESS AMONG STANDARD FIVE STUDENTS

By

FAZILAH BINTI MAT ZAIN

November 2019

Chairman : Shamsudin bin Othman, PhD
Faculty : Educational Studies

Writing is a complex process as it involves many cognitive and psychomotor skills. Thus, this study made use of the Motor Network Theory for Learning Writing Skill (TRMPKM), which includes four motor skills namely motor planning, motor logic, motor memory and motor action. These four motors are interrelated and important in the writing process; that is when one understands how the brain receives, filters, combines and uses the brain learning function to produce an essay. The purpose of this study is to identify the process, strategy and problems in the writing activity of Year-Five pupils based on the TRMPKM. Furthermore, the current study is based on the qualitative approach through data collection via interviews, observations and document analysis through the participation of five primary school pupils in Kuantan, i.e., representing the case study. The results of the study were discussed based on 3 phases; pre-writing, while writing and post-writing. The writing process involves reading skills to comprehend the questions, underline clues, write sentence structure, and make sure the essay is coherent and cohesive in term of their experience and knowledge. Part of their duty was to edit and corrected the essays, i.e., peer to peer correction. Writing strategies, on the other hand, are time planning, listing down implicit and explicit points, building and structuring sentences, writing drills, and giving full focus during the writing process. This study also came across issues regarding problems in writing during every motor learning, such as time planning, difficulties to expand on implicit ideas, lack of ideas, negligence of completing the essays, and negligence of the grammar aspects of the essay. In conclusion, this case study found that the process and writing strategies need mastery of the four motor learning skills. If one of the learning motors is not mastered well, the output of the essay will be affected negatively, thus the essay might be neither impressive and nor complete. The knowledge about learning motor could also increase efficiency in writing. This study also proves that TRMPKM could increase clear understanding to teachers regarding the cognitive process during writing. Upon the comprehension of

this theory, it could help teachers to plan and execute their teaching and learning more effectively. Thus, the five significant participants manage to achieve good level of performance in the usage of the four motor writing skills as supposed in TRMPKM.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah membolehkan saya menyempurnakan tesis yang bertajuk “Penggunaan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis (TRMPKM) dalam Proses Mengarang Bahasa Melayu Murid Tahun Lima”. Penyempurnaan tesis ini amat besar ertinya kepada saya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan khas buat Dr. Shamsudin Othman selaku penyelia utama atas segala komitmen, bimbingan dan tunjuk ajar yang berguna sepanjang penulisan tesis ini. Juga ucapan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Dr. Azhar Md. Sabil dan Dr. Rozita Radhiah Said merangkap ahli komiti yang sentiasa memberi buah fikiran yang bernas dan sokongan sepanjang pengajian saya di FPP.

Demikian juga penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Marzni Mohamed Mokhtar (FPP UPM), rakan-rakan dari IPG yang banyak membantu iaitu, Dr. Yuznaili Saleh, Dr. Norafidah Noralidin, Dr. Nazariyah Sani, Dr. Yusfarina Mohd Yussof, Dr. Mat Salleh serta Pn. Izwanum serta tidak lupa ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Hadiah Latihan Persekutuan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Ketua Pengarah, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi peluang dan kepercayaan bagi membolehkan saya melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tidak akan luput dari ingatan segala jasa para sahabat yang sentiasa berada di kala susah dan senang, juga menjadi sumber inspirasi dan motivasi sepanjang mengharungi perjalanan PhD yang penuh ranjau ini, iaitu, Raihan, Nazri, Sabrina, Ayuni, Shafiqah, Suhaila, Iskandar, Amal al-Masri, Antar Fuad dan rakan-rakan lain.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak ternilai ditujukan buat suami dan ibu tercinta Shamsuddin Rahadi & Mardiah Mohd Noor, anak-anak yang dikasihi Hani Shafiqah, Muhammad Shamim, Muhammad Shauqi dan Hani Shahirah serta ahli keluarga atas doa, sokongan dan pengorbanan sehingga tesis ini dapat disempurnakan.

FAZILAH BINTI MAT ZAIN Mac, 2020

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Shamsudin bin Othman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azhar bin Md. Sabil, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rozita Radhiah binti Said, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Fazilah binti Mat Zain, GS47426

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Shamsudin bin Othman

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Azhar bin Md. Sabil

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Rozita Radhiah binti Said

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Kemahiran Menulis dalam KSSR	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Pernyataan Masalah	6
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Definisi Istilah	12
1.9.1	Penggunaan	12
1.9.2	Strategi Mengarang	13
1.9.3	Proses Mengarang	13
1.9.4	Karangan	14
1.10	Rumusan	14
2	SOROTAN LITERATUR	15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Literatur Berkaitan Mengarang	15
2.2.1	Literasi Menulis	15
2.2.2	Kemahiran Mengarang	16
2.2.3	Strategi Mengarang	19
2.2.4	Proses Mengarang	20
2.2.5	Permasalahan Mengarang	21
2.2.6	Model dan Peringkat Mengarang	25
2.3	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Mengarang	35
2.4	Kajian Lepas Berkaitan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis Levine (TRMPKM)	42
2.4.1	Strategi Mengarang Levine	43
2.5	Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis (TRMPKM) Levine	45
2.5.1	Motor Perancangan Levine	48
2.5.2	Motor Logik Levine	51

2.5.3	Motor Memori Levine	55
2.5.4	Motor Tindakan Levine	58
2.6	Kerangka Teoritikal Kajian	60
2.7	Kerangka Kajian	63
2.8	Rumusan	64
3	METODOLOGI KAJIAN	65
3.1	Pengenalan	65
3.2	Penyelidikan Kualitatif sebagai Kaedah Kajian	65
3.2.1	Kajian Kes	67
3.3	Pemilihan Peserta Kajian dan Lokasi Kajian	68
3.3.1	Latar Belakang Peserta Kajian	69
3.4	Kaedah Kajian	70
3.4.1	Kaedah Temu bual	71
3.4.2	Kaedah Pemerhatian	74
3.4.3	Kaedah Analisis Dokumen	76
3.5	Kajian Rintis	76
3.5.1	Etika dalam Kajian	78
3.6	Prosedur Kajian	80
3.6.1	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.6.2	Prosedur Menganalisis Data	83
3.6.3	Penyalinan Transkripsi Temu bual	84
3.7	Kesahan	89
3.7.1	Triangulasi	90
3.7.2	Member Checks	91
3.7.3	Pengkaji sebagai Instrumen Kajian	91
3.7.4	Tinjauan Semula Setara	91
3.8	Kebolehpercayaan	92
3.8.1	Jejak Audit	92
3.8.2	Pengelakan Bias Pengkaji	92
3.8.3	Hubungan Berterusan antara Pengkaji dan Peserta kajian	93
3.9	Rumusan	93
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	94
4.1	Pengenalan	94
4.2	Mengenal pasti Strategi Mengarang Murid Berdasarkan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis	94
4.2.1	Strategi Menulis Murid dalam Motor Perancangan Levine	96
4.2.2	Strategi Menulis Murid dalam Motor Logik Levine	100
4.2.3	Strategi Menulis Murid dalam Motor Memori Levine	102
4.2.4	Strategi Menulis Murid dalam Motor Tindakan Levine	104
4.3	Menghuraikan Proses Mengarang yang Digunakan oleh Murid Tahun Lima Berdasarkan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis Levine	105
4.3.1	Pramengarang (Motor Perancangan)	108
4.3.2	Semasa Mengarang (Motor Logik dan Motor Memori)	120

4.3.3	Pascamengarang (Motor Tindakan)	127
4.4	Permasalahan yang Dihadapi oleh Murid ketika Mereka Menulis Berdasarkan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis Levine	133
4.4.1	Permasalahan Menulis Murid dalam Motor Perancangan (Perancangan masa)	136
4.4.2	Permasalahan Menulis Murid dalam Motor Logik (Sukar Mengungkap Idea Tersirat)	137
4.4.3	Permasalahan Menulis Murid dalam Motor Memori (Cabaran Murid Menjana Idea)	138
4.4.4	Permasalahan Menulis Murid dalam Motor Tindakan	139
4.5	Rumusan	140
5	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	142
5.1	Pengenalan	142
5.2	Ringkasan Kajian	142
5.3	Rumusan Kajian	143
5.4	Implikasi Kajian	144
5.4.1	Implikasi Secara Teoritikal	144
5.4.2	Implikasi Pengetahuan	145
5.4.3	Implikasi Praktikal	145
5.4.4	Implikasi dari Segi Kandungan Kurikulum Penulisan Murid	146
5.5	Cadangan	146
5.5.1	Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	147
5.5.2	Cadangan kepada Kurikulum Kemahiran Menulis	147
5.5.3	Cadangan kepada Guru	147
5.5.4	Cadangan kepada Kajian Lanjutan	148
5.6	Rumusan	149
	RUJUKAN	150
	LAMPIRAN	163
	BIODATA PELAJAR	194
	SENARAI PENERBITAN	195

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Profil Peserta Kajian (Murid)	70
3.2 Tarikh Menjalankan Temu bual dan Pemerhatian	73
3.3 Persoalan Etika sebelum Menjalankan Temu bual	79
3.4 Prosedur Kajian dalam Reka Bentuk Keseluruhan Kajian	81
3.5 Contoh Penganalisan Mengikut Kes Menggunakan Data Triangulasi	86
3.6 Contoh Penganalisan Bersilang Kes Menggunakan Data Triangulasi	87
3.7 Analisis Persetujuan Pembinaan Tema dan Subtema Data Kualitatif	90
3.8 Jadual Interpretasi Skala Kappa	90
4.1 Tema-tema bagi Strategi Penulisan Murid Berdasarkan Kaedah Temu bual, Pemerhatian dan Analisis Dokumen	95
4.2 Tema-tema bagi Proses Penulisan Karangan Berdasarkan Kaedah Temu bual, Pemerhatian dan Analisis Dokumen	107
4.3 Peserta Kajian Memahami Soalan	108
4.4 Informasi Sumber Manusia	110
4.5 Informasi Sumber Bukan Manusia	110
4.6 Permasalahan Murid Ketika Mereka Menulis Karangan	134
4.7 Tema bagi Permasalahan Murid Semasa Mengarang	135

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis Levine	47
2.2 Motor Perancangan - Tenaga Mengawal Mental	49
2.3 Motor Logik- Kawalan Pengambilan	52
2.4 Motor Memori – Sistem Memori	56
2.5 Motor Tindakan – Amalan Mengarang	59
2.6 Kerangka Teoritikal Kajian	62
2.7 Kerangka Kajian	63
4.1 Rajah Ringkasan Dapatan Keseluruhan Penggunaan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima	141

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A	Audit Trail 163
B	Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat dan Menjalankan Penyelidikan 166
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia (JKEUPM) 167
D	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan 170
E	Borang 2.4: Borang Penerangan dan Persetujuan Peserta kajian 171
F	Borang 2.5: Borang Penerangan dan Persetujuan Ibu Bapa / Penjaga 173
G	Protokol Soalan Temu bual 175
H	Protokol Pemerhatian Murid Mengarang di dalam Bilik Darjah 176
I	Surat Pelantikan sebagai Pakar Penyemak Kesahan Protokol Temu bual dan Jadual Spesifikasi Konstruk (Senarai Semak Konstruk) Kajian 178
J	Surat Pelantikan sebagai Pakar Penyemak Kesahan Protokol Temu bual dan Protokol Pemerhatian 179
K	Surat Pelantikan sebagai Pakar Kesahan Tema Kajian 180
L	Transkripsi Temu bual 181
M	Contoh Catatan Nota Lapangan 184
N	Contoh Analisis dokumen 185
O	Kriteria Penskoran Karangan Bahagian C 186
P	Antara Kesalahan Aspek Tatabahasa 187
Q	Antara Contoh Rangka Karangan dan Aspek Perancangan Masa PK 190
R	Senarai Semak (Pengesahan Konstruk) Ciri-ciri Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis (TRMPKM) Levine 191

SENARAI SINGKATAN

TRMPKM	Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis
UNESCO	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>)
PK1-PK5	Peserta Kajian 1 – Peserta Kajian 5
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
SKBM	Standard Kurikulum Bahasa Malaysia
DPK	Dasar Pendidikan Kebangsaan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LINUS	Saringan Literasi & Numerasi (<i>Literacy & Numeracy Screening</i>)
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (<i>Educational, Planning, & Research Division</i>)
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara (<i>National Key Result Areas</i>)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kemahiran mengarang ialah satu kemahiran berbahasa yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Oleh itu, bab ini akan membincangkan pernyataan masalah kajian, objektif dan persoalan kajian. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah kepentingan kajian, iaitu, sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian ini khusus kepada golongan pendidik dan murid bahkan juga kepada polisi pendidikan amnya. Batasan kajian bagi menggariskan apa kajian yang dijalankan dan sebaliknya. Setiap tajuk akan dikupas dengan lebih mendalam pada bahagian akhir berdasarkan definisi istilah.

Kemahiran mengarang berperanan penting sama seperti kemahiran lisan dalam proses menyampaikan ilmu atau maklumat. Kemahiran ini penting dalam kajian berkaitan dengan pendidikan bahasa, khususnya kemahiran mengarang, UNESCO telah menetapkan suatu sistem pendidikan bahasa, iaitu, sesebuah kerajaan perlu bertanggungjawab melaksanakan kemahiran mengarang yang merupakan sebahagian daripada kemahiran literasi bagi memenuhi hak asasi rakyat di bawah pimpinan mereka.

Lanjutan daripada itu, seperti yang tertera dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) antara objektif mengarang pada peringkat sekolah rendah pada dasarnya adalah murid berkebolehan untuk mendapat kemahiran menyampaikan maklumat, idea, fakta, pandangan, ulasan, iaitu, penulisan yang kreatif dan berkualiti sesuai dengan tahap dan kebolehan mereka. Oleh hal yang demikian, penekanan kepada proses penulisan yang tepat dan dapat diaplikasikan dengan konsisten oleh murid sangat diharapkan ketika mereka mengaplikasikan penulisan sesebuah karangan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Malaysia dan amat penting dikuasai oleh setiap murid. Selain untuk berkomunikasi, bahasa Melayu juga digunakan dalam menguasai ilmu daripada pelbagai mata pelajaran lain. Secara umumnya, untuk menjadikan seseorang murid berjaya dalam aspek penguasaan bahasa, mereka perlu menguasai kemahiran literasi yang mencakupi kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran lisan, serta kemahiran menulis supaya mereka berjaya dalam bidang yang ingin diceburi pada masa hadapan.

Berbanding keempat-empat kemahiran di atas, kemahiran mengarang dianggap kemahiran yang paling sukar untuk diajar dan difahami oleh murid berbanding tiga kemahiran yang lain (Mahzan Arshad, 2008; Suria Baba & Juriah Long, 2010; Norafidah Noralidin, 2018). Kegagalan murid mengarang adalah disebabkan oleh

kekurangan dari aspek penggunaan bahasa yang cekap, iaitu, penggunaan bentuk-bentuk gramatikal dan pola-pola sintaksis. Selain itu, murid juga kurang berupaya menguasai aspek mekanikal yang melibatkan penggunaan tanda baca, imbuhan, penggunaan kata yang tepat, serta struktur ayat yang gramatis. Murid turut didapati gagal untuk melahir dan mengolah idea dengan menggunakan unsur-unsur stilistik atau gaya, iaitu, pemilihan struktur-struktur dan butiran leksikal yang dapat memberi kesan kepada penulisan serta mengorganisasi data.

Permasalahan ini adalah sejajar dengan dapatan Siti Asmah (2009) yang menyatakan bahawa murid lebih menguasai kemahiran lisan dan kemahiran membaca berbanding kemahiran menulis dan mengarang dengan baik. Hal ini disebabkan, kemahiran mengarang memerlukan keupayaan untuk menguasainya. Penguasaan ini pula bukan diperoleh secara semula jadi tetapi memerlukan latihan yang tepat dan konsisten supaya ilmu yang diperoleh semakin mantap dan dapat diaplikasikan dalam sebarang bentuk format karangan.

Menurut Afnia Sundari (2010), murid menghadapi masalah dalam memberikan idea atau isi penting selepas guru memberi tajuk karangan. Lemah dalam menentukan isi penting, mengolah ayat dan memberikan contoh yang sesuai menyebabkan murid tidak dapat menyampaikan gagasan idea mereka dengan jelas dan mantap. Murid seharusnya menguasai kemahiran mengarang agar dapat menghuraikan fakta-fakta yang tepat, berupaya mengolah isi dengan jelas dalam bentuk ayat yang teratur dan meyakinkan. Faktor inilah yang menyebabkan kemahiran mengarang itu penting untuk dipelajari dan perlu dilaksanakan berdasarkan penguasaan kemahiran mengikut proses atau tahap-tahap yang sepatutnya secara sistematik.

Mahzan Arshad (2016) telah memperincikan masalah penguasaan kemahiran mengarang dalam kalangan murid iaitu, penggunaan teknik menulis karangan yang tidak tepat, ketidak kecekapan pengolahan isi dalam pembinaan pelbagai jenis ayat, kurang idea dalam penulisan disebabkan kurang membaca serta penguasaan tatabahasa yang tidak mantap merupakan masalah yang sering dihadapi oleh murid sewaktu menulis. Hal ini memberikan impak kepada murid untuk menguasai kemahiran mengarang, iaitu, mereka menghadapi masalah untuk menjawab soalan dengan baik kerana tidak dapat menghuraikan data-data yang tepat, lemah dalam menyusun jawapan, tidak teratur dan kurang meyakinkan (Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abdul Rahman, 2012).

Penguasaan kemahiran mengarang yang kurang memuaskan ini wujud disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya, murid dikatakan tidak dapat menulis karangan dengan baik kerana kurang inisiatif untuk mencari jawapan atau maklumat sendiri kerana semuanya disogok oleh guru. Hal yang demikian berlaku kerana guru kurang yakin terhadap kemampuan murid untuk memperoleh isi karangan dengan cara meneroka pengetahuan mereka sendiri serta tidak menekankan kemahiran berfikir kepada mereka kerana tujuan utama adalah untuk mencapai objektif pengajaran, menghabiskan sukatan murid ataupun mendapatkan keputusan yang baik atau lulus dalam peperiksaan semata-mata (Simah Mamat, 2009; A. Rahman, Jamaludin & Zamri, 2015). Hal ini dibuktikan dengan kenyataan dan dapatan tentang pemikiran

aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia yang masih berada pada kedudukan yang rendah (Perunding *Kestrel Education* (UK) dan *21st Century Schools* (USA), 2011 & Fairus, 2015).

Penguasaan rendah dalam mengarang yang masih berlaku ini juga disebabkan oleh pembelajaran yang tidak pelbagai dari aspek strategi, pendekatan, kaedah dan teknik di dalam bilik darjah dan lebih berfokus kepada hasil karangan berbanding proses mengarang (Marohaini 2004 & Norafidah Noralidin, 2017). Hal ini berlaku kerana menurut murid tidak diberikan pendedahan mengenai kaedah dan teknik yang sesuai ketika proses pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu di dalam bilik darjah (Rohaida Yusop, 2015). Oleh yang demikian, kaedah pembelajaran yang hanya mementingkan hasil karangan semata-mata menjadikan murid kurang mampu untuk menjana kemahiran berfikir dan mengembangkan idea dalam menghasilkan sebuah karangan yang baik.

Seterusnya, rendahnya penguasaan murid yang rendah terhadap kemahiran mengarang menyebabkan mereka menganggap aktiviti mengarang sesuatu yang membebankan dan sudah tentu hasilnya akan menjadi hambar dan tidak memberi kesan kepada pembaca. Hal yang demikian, menunjukkan masalah penguasaan kemahiran mengarang perlu dikaji bagi mencari jalan untuk mengatasinya. Oleh sebab itu, fokus utama penyelidikan ini adalah untuk menghuraikan proses penulisan yang digunakan oleh murid dan menjelaskan strategi yang wujud semasa proses mengarang dalam kalangan murid Tahun Lima.

Masalah ini perlu ditangani segera kerana kemahiran menulis penting dan perlu dikuasai oleh murid kerana melalui kemahiran ini murid dapat melahirkan idea, memperkembangkan akal, perasaan dan pengalaman peribadi (Mahzan Arshad, 2008 dan Hashim Othman, 2009). Kemahiran ini juga amat penting dikuasai oleh murid kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan pelajar menjawab dalam bentuk tulisan dan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat, maka pelajar perlu mahir dalam menulis. Justeru, pelajar seharusnya mempunyai strategi-strategi mengarang untuk memudahkan mereka menghasilkan penulisan yang baik kerana sebahagian besar mata pelajaran diuji menggunakan kemahiran mengarang (Lyth, 2004 & Tuan Azlyna 2013).

Teori yang dipilih dikenali sebagai Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis Levine. Pemilihan teori ini adalah untuk membantu murid yang menghadapi masalah dalam kemahiran mengarang kerana menurut Yuznaili (2016), teori ini dapat diaplikasikan dalam pelbagai peringkat kemahiran menulis iaitu, kemahiran menulis mentalis dan kemahiran menulis mekanis. Teori ini terdiri daripada empat motor pembelajaran iaitu, Motor Perancangan, Motor Logik, Motor Memori dan Motor Tindakan. Setiap motor pembelajaran tersebut sangat penting bagi membolehkan murid menguasai kemahiran menulis dengan baik dan berkesan. Tidak menguasai satu daripada motor pembelajaran tersebut, akan menyebabkan murid tidak dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik.

Kebanyakan kajian dalam kemahiran menulis yang menggunakan teori ini adalah dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan bagi kemahiran menulis mekanis, iaitu, lebih mudah daripada kemahiran mengarang (Clay, 2000; Olivier & Bowler, 1996). Kajian ini telah menghuraikan proses mengarang Bahasa Melayu berdasarkan TRMPKM kerana kajian-kajian sebelum ini tidak menekankan konsep teori rangkaian motor (Yuznaili Saleh, 2015) dan kajian yang ada juga didapati terdapat beberapa kekurangan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan TRMPKM sebagai asas bagi melihat strategi, proses serta masalah mengarang murid. Manakala, bahagian seterusnya menghuraikan dengan lebih lanjut berkaitan pernyataan masalah dalam proses mengarang Bahasa Melayu, bagi memberikan justifikasi kepada perlunya kajian ini dilaksanakan.

1.3 Kemahiran Menulis dalam KSSR

Standard Kurikulum ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid-murid di sekolah kebangsaan. Standard yang diketengahkan ini mengandungi Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia (SKBM) berpaksikan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Standard ini menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah.

Standard ini turut menitikberatkan penggabungan kemahiran bahasa, penyerapan ilmu dan nilai murni. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia boleh dijadikan pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Standard ini menengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur bagi mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Seterusnya, membolehkan murid memperkembangkan keupayaan dan penguasaan kemahiran bahasa, serta berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan. Murid-murid memperoleh peluang untuk mengeluarkan idea, membangun imaginasi dan kreativiti serta peluang untuk berlatih, mempraktikkan hukum nahu dan menguasai kemahiran-kemahiran berkaitan penulisan adalah antara matlamat yang ingin dicapai melalui objektif murid tersebut (Roselan Baki, 2004 & Rozita Radhiah Said, 2018).

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama. Berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran, objektif kemahiran mengarang adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan menguasai kemahiran berikut setelah mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kemahiran yang mereka peroleh ini juga akan membolehkan mereka meluahkan idea dalam bentuk penulisan pada peringkat pendidikan yang lebih tinggi atau peringkat alam pekerjaan kelak.

Matlamat di bawah ini adalah beberapa objektif yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun Lima (2014), iaitu, pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah, murid dapat:

- i. membina kerangka dan menulis pelbagai jenis karangan dengan betul;
- ii. menulis imlak perkataan, frasa dan ayat yang berimbuan pinjaman dengan ejaan dan tanda baca yang tepat;
- iii. mencatat maklumat yang betul mengikut urutan untuk membuat carta daripada pelbagai sumber;
- iv. menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan idea utama dan idea sampingan serta menegaskan kesantunan berbahasa;
- v. menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk surat, laporan dan berita dengan jelas serta menggunakan bahasa yang santun;
- vi. menghasilkan kerangka dan menulis karangan berbentuk imaginatif dan deskriptif dengan betul;
- vii. mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuan dan struktur ayat; dan
- viii. menulis ulasan tentang bahan bukan sastera yang didengar, ditonton atau dibaca dengan jelas dan menggunakan ayat yang gramatis.

(Sumber: Standard Kurikulum & DSKP Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 5, KPM. 2014)

Selain itu, aspek lain yang menjadi keutamaan dalam proses penulisan ialah penguasaan tatabahasa yang baik dalam usaha membantu murid menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti. Aspek penguasaan tatabahasa ini merujuk juga kepada penguasaan tanda baca supaya komunikasi tulisan berada pada keselarasan standard dan juga memberikan makna yang tepat. Hal yang demikian jelas menunjukkan bahawa dalam DSKP, kemahiran mengarang adalah keperluan wajib selain daripada kemahiran membaca, mengira dan menaakul yang menjadi elemen pengukuhan aplikasi untuk pelaksanaan modul-modul pembelajaran pada alaf baharu ini.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umumnya bertujuan untuk memahami dan menerangkan secara spesifik tingkah laku dan tindakan lima orang murid Tahun Lima yang diperhatikan secara langsung dalam konteks proses pembelajaran menulis karangan dan situasi mengarang di dalam bilik darjah. Kajian dibuat dalam konteks tajuk penggunaan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis dalam strategi mengarang murid Tahun Lima. Secara khusus, kajian ini adalah untuk mencapai ketiga-tiga objektif yang berikut:

1. menjelaskan strategi mengarang yang digunakan dalam karangan murid Tahun Lima berdasarkan Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis.
2. menghuraikan proses mengarang murid Tahun Lima berdasarkan Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis.
3. mengenal pasti permasalahan mengarang berdasarkan Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis dalam kalangan murid Tahun Lima.

1.5 Persoalan Kajian

Tiga persoalan kajian yang digubal akan dibincangkan secara deskriptif bagi menjawab kesemua persoalan kajian seperti yang berikut:

1. Apakah strategi mengarang Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis yang digunakan oleh murid Tahun Lima dapat menghasilkan karangan yang baik?
2. Bagaimanakah Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis dapat membantu meningkatkan keupayaan kognitif murid Tahun Lima dalam proses mengarang?
3. Apakah Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis dapat membuktikan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid Tahun Lima sewaktu proses mengarang berlaku?

1.6 Pernyataan Masalah

Kajian mengarang amat penting dikuasai dan merupakan satu kemahiran asas bahasa yang diperlukan oleh pelajar pada setiap peringkat pengajian sama ada di peringkat sekolah mahupun peringkat pengajian tinggi serta diperlukan juga dalam situasi pekerjaan sehari-hari. Kesimpulannya, kemahiran mengarang boleh dianggap sebagai salah satu sumber penting bagi pemerolehan pengetahuan, pengukuran terhadap pencapaian, dan pelaksanaan tugas profesional.

Melalui pengamatan didapati masih terdapat kelemahan dalam aspek mengarang bahasa Melayu yang kesannya boleh menjejaskan mata pelajaran lain. Masalah ini juga masih berlanjutan hingga kini yang bukan sahaja melibatkan murid sekolah rendah mahupun menengah malah turut menjejaskan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Oleh hal yang demikian, bermula dari peringkat bawah lagi, iaitu, murid-murid di sekolah rendah perlu mengetahui perkara asas yang tepat dalam proses mengarang supaya dapat diaplikasikan dalam apa jua bentuk penulisan kelak serta menimbulkan minat untuk menulis dalam kalangan mereka serta dapat menghasilkan penulisan berkualiti sepanjang masa (Zuraini Jusoh, 2018).

Mariati Mokhtar dan Mazliza Mohtar (2018) menyimpulkan bahawa pelajar pintar dan cerdas berupaya menggunakan ungkapan indah dalam penulisan karangan mereka disebabkan pembacaan mereka yang meluas, penguasaan kosa kata yang tepat, dan sebagainya. Kajian mengenai penulisan karangan murid cemerlang ini menjadi satu titik permulaan dan pedoman kepada guru-guru bahasa Melayu kepada golongan sedemikian agar dapat memikirkan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan beraras tinggi. Kaedah pembelajaran yang kreatif dan pelbagai akan membuatkan murid akan lebih seronok dalam mempelajari subjek yang mencabar pengetahuan dan aras mereka. Selari dengan definisi Hamidah Mamat Yamat, H., Alias, A., & Aziz, A. (2010) murid bijak dan cemerlang adalah golongan yang suka mencabar diri dalam mempelajari sesuatu bahasa. Malahan, generasi murid pada masa kini juga merupakan generasi baharu yang mana pengetahuan mereka lebih terkedepan berbanding generasi murid terdahulu.

Sebahagian besar kajian tentang kemahiran mengarang tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas (Rozita Radhiah Said, 2012; Shahida Nadia Zakaria & Rohaida Yusop, 2015; Abdul Rasid Jamian, 2016 dan Norafidah Noralidin, 2017), yang berfokuskan kepada murid-murid sekolah menengah (Yahya Othman & Azmey Othman, 2012; Zulkifli Osman & Zuraini Jusoh, 2014; Marzni Mohamad Mokhtar, 2017 dan Simah Mamat, 2018) serta murid berprestasi rendah dan sederhana dalam aspek mengarang (Zarina Ahmad, 2012; Noradinah Jaidi, 2014; dan Abdul Ghani Jalil, 2016). Manakala, kajian yang merujuk kepada proses mengarang murid yang merujuk kepada murid-murid yang pandai adalah agak kurang. Seajar dengan usaha tersebut, maka kajian ini bertujuan untuk melihat strategi dan proses mengarang berdasarkan TRMPKM dalam kalangan murid sekolah rendah, khususnya murid Tahun Lima yang melibatkan murid cemerlang pula.

Penguasaan kemahiran mengarang yang kurang memuaskan ini wujud disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya, murid dikatakan tidak dapat menulis karangan dengan baik kerana kurang inisiatif untuk mencari jawapan atau maklumat sendiri kerana semuanya disogok oleh guru. Hal yang demikian berlaku kerana guru kurang yakin terhadap kemampuan murid untuk memperoleh isi karangan dengan cara meneroka pengetahuan mereka sendiri serta tidak menekankan kemahiran berfikir kepada mereka kerana tujuan utama adalah untuk mencapai objektif pengajaran, menghabiskan sukatan murid dan ataupun mendapatkan keputusan yang baik atau lulus dalam peperiksaan semata-mata (Simah Mamat, 2009; A. Rahman, Jamaludin dan Zamri, 2015). Kenyataan ini dibuktikan dengan dapatan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih berada pada kedudukan yang rendah (Perunding Kestrel Education (UK) dan *21 Century Schools* yang dibentangkan di USA, 2011 & Fairus, 2015).

Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Kelemahan dalam menghasilkan makna dalam penulisan karangan pula, iaitu, murid lemah menyusun ayat dan buah fikiran mengikut wajaran fikiran mereka serta meninggalkan perkataan tertentu semasa mengarang. Ketidakcekapan murid menguasai kemahiran membaca

dan menulis menjadikan mereka tidak berminat untuk belajar dan tidak memberikan tumpuan sepenuhnya. Kelemahan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis menjejaskan potensi serta motivasi dalam menguasai pelbagai kemahiran lain dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kelemahan murid dari aspek penjanaaan idea, lemah penggunaan kosa kata yang tepat dan terhad, kesalahan aspek tatabahasa dan teknikal dalam mengarang akan mengakibatkan pencapaian yang rendah. Didapati guru banyak bercakap, iaitu, menyuapkan segala perkara kepada murid serta meminta mereka menulis kembali apa yang diterima bulat-bulat. Kesannya, penguasaan murid agak terhad dan pasif. Rohaida (2015) menyatakan ramai pengkaji bersependapat bahawa murid masih belajar dengan kaedah pengajaran guru yang konvensional dan menggunakan pendekatan yang kurang berkesan semasa mengajar penulisan karangan. Hal yang demikian adalah antara punca mengapa murid menunjukkan prestasi lemah dalam aspek mengarang.

Kemahiran menulis paling sukar berbanding komponen kemahiran berbahasa yang lain (Khairudin Mohamad, 2011; KPM, 2013; Abdul Rasid Jamian, 2016). Kemahiran ini sukar dikuasai oleh murid kerana kemahiran ini melibatkan proses kognitif yang kompleks serta psikomotor (Berninger & Richards, 2002; Levine, 2003, Yuznaili, 2016) sedangkan hampir 90% bentuk pengujian yang digubal oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia memerlukan murid menjawab menggunakan aktiviti mengarang. Guru yang kurang pengetahuan dan kefahaman tentang motor pembelajaran menyebabkan pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang kurang berkesan. Guru tidak mengetahui perbezaan motor pembelajaran kemahiran membaca dan menulis serta mengajarkan dua kemahiran tersebut dengan menggunakan kaedah serta teori yang sama (Zygouris-coe, 2001 dan Tompkins 2008).

Withman dan Kollerher (2016) berpendapat kebanyakan guru kurang memberi fokus apa yang berlaku dalam otak manusia, iaitu, bagaimana otak manusia bekerja yang dapat membantu murid mencapai puncak potensi mereka dalam pelajaran. Kebanyakan guru kurang memahami cara otak menerima, menapis, menggabungkan, dan menggunakan pembelajaran untuk jangka pendek dan jangka panjang serta fungsi otak yang dapat membantu murid mencapai puncak potensi. Pengetahuan mereka tentang teori ini dapat membantu mengenal pasti kebolehan murid dan menggilapnya untuk menghasilkan murid yang cekap dan bernas ketika menghasilkan sesebuah karangan. Oleh sebab itu, wajarlah TRMPKM ini dikaji untuk menghasilkan satu panduan dalam proses penulisan karangan yang baik.

Kenyataan ini disokong oleh Nazariyah Sani (2014) menurutnya guru program LINUS di Malaysia sering menggunakan Teori Bandura dalam pengajaran dan pembelajaran. Teori Bandura ialah teori umum berkaitan tingkah laku manusia dalam pembelajaran. Teori ini kurang berupaya untuk menterjemahkan pembelajaran murid dalam sesuatu kemahiran, menyebabkan pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang kurang berkesan. Pengajaran guru yang berlaku selama ini mementingkan aspek mekanis atau mekanikal hingga menyebabkan murid tidak matang, tidak dapat menghasilkan idea

yang bernas serta kurang berupaya menghasilkan penulisan yang berkualiti walaupun telah lama belajar kemahiran tersebut (Rohani, 2004 & Rozita Radhiah Said, 2012). Oleh sebab itu, kajian ini meneliti dari aspek mentalis pula untuk membolehkan pengkaji mengisi lompong dalam kajian aspek mengarang. Dengan hal yang demikian, pengetahuan guru tentang motor pembelajaran dapat membantu murid pada setiap komponen mengarang untuk menghasilkan karangan yang baik.

Di Malaysia, terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji dalam usaha mereka mendalami aspek mengarang. Antaranya, Norafidah Noralidin (2017) telah membentuk satu kerangka model pengajaran kemahiran mengarang berasaskan Teori Konstruktivisme. Sebelum itu, Abdul Ghani Jalil (2016) menganalisis tingkah laku dan proses semasa mengarang karangan respons terbuka menggunakan Model Proses Mengarang daripada Flower dan Hayes (1981). Model Penulisan Argumentatif Toulmin's (1958) pula digunakan dalam kajian Marzni Mohamed Mokhtar (2018) yang mengkaji kemahiran mengarang dari aspek amalan pentaksiran guru dalam karangan argumentatif.

Namun begitu, penyelidikan tentang bidang penulisan yang memfokus kepada proses penulisan menggunakan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Levine (2004) masih lagi terbatas. Kajian menggunakan teori Levine ini kebanyakannya dilaksanakan di luar negara dan dilihat dari perspektif barat. Melalui kajian ini kemungkinan strategi yang diperoleh berbeza dengan dapatan daripada perspektif barat. Kajian yang lepas berkaitan teori ini telah dilakukan oleh Yuznaili Saleh (2016) adalah berkaitan tentang kemahiran menulis mekanis yang mengkaji murid-murid LINUS. Berbeza dengan kajian ini yang cuba mengkaji murid-murid cemerlang pula semasa mereka menghasilkan karangan kerana murid-murid cemerlang ini juga masih lagi melakukan kesalahan mentalis ketika mengarang.

Kajian ini melanjutkan pandangan yang dijelaskan oleh Nazariyah Sani (2014) bahawa kemahiran mengarang perlu berlaku proses pemulihan dan pengayaan seperti yang dicadangkan oleh Levine (2004). Oleh itu, kajian ini akan menggunakan Teori Levine dalam menyelesaikan masalah proses mengarang murid dalam setiap peringkat mengarang sama ada pada peringkat pemulihan atau pengayaan. Selain itu, teori ini boleh dilihat dan diadaptasi untuk menjelaskan strategi mengarang yang wujud dalam kalangan murid-murid cemerlang di negara ini.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengenal pasti ciri-ciri teori Levine yang digunakan oleh murid dalam mengarang kerana turut berpendapat teori ini amat berhubung rapat dengan proses otak sewaktu menulis. Sebelum penulisan dihasilkan, berlaku proses di dalam otak manusia yang dikenali sebagai motor pembelajaran kemahiran menulis (Levine, 2003). Penggunaan teori ini membolehkan guru-guru memahami dengan lebih baik pembelajaran kemahiran mengarang dan merancang serta melaksanakan aktiviti PdP dengan lebih baik (Olivier & Bowler, 1996; Tompkins, 2008; Clay, 2002 & Nazariyah Sani, 2014).

Kajian Berninger dan Winn (2002) bertajuk *'Implications of advancements in brain research and technology for writing development, writing instructions, and educational evolution'* juga turut menjelaskan bahawa penggunaan teori ini dapat mengenal pasti bahagian dan punca kelemahan murid dalam menguasai kemahiran mengarang secara tepat kerana berasaskan mental dan psikomotor. Hal ini disokong oleh Pinnell dan Fountas (2006) bahawa teori motor pembelajaran ini dapat memberi kefahaman yang jelas kepada murid tentang proses kognitif semasa mempelajari sesuatu kemahiran yang dapat membantu mereka merancang dan melaksana penulisan dengan lebih mantap. Oleh hal yang demikian, kajian ini menghuraikan proses mengarang murid Tahun Lima berdasarkan Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya proses, strategi serta masalah yang dihadapi oleh murid dalam mengarang. Kajian ini akan menjadi asas panduan untuk pembelajaran dan penulisan karangan. Proses pelaksanaan penulisan yang sering dilakukan murid boleh menjadi bahan untuk dianalisis bagi tujuan memperbaiki kecekapan penulisan masing-masing. Murid dapat menggunakan bentuk penulisan yang sering dilakukan sebagai bahan kajian berdasarkan teori motor pembelajaran untuk menghasilkan karangan yang baik. Oleh itu, kajian ini dijadikan sebagai wahana bagi menghasilkan pengetahuan tentang teori ini dan dapat memberi kefahaman tentang cara melaksanakan proses penulisan yang tepat (Pinnell & Fountas, 2006)

Di samping itu, fenomena yang dijelaskan, dapat dijadikan motivasi kepada murid untuk memahami dan mendalami ilmu penulisan khususnya, dan kemahiran pembelajaran bahasa Melayu amnya. Oleh yang demikian, proses pembelajaran dan penulisan akan dikuasai oleh murid yang seterusnya akan melahirkan masyarakat yang cekap berbahasa.

